



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENGARAH PUSAT KESIHATAN BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

Bilangan 03 Tahun 2020

KEPERLUAN MELAKSANAKAN AKTIVITI PENCEGAHAN DENGGI SEMASA DAN SELEPAS TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TUJUAN

1. Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga UiTM Shah Alam mengenai keperluan melaksanakan aktiviti pencegahan denggi sebagai persediaan menghadapi kemasukan kembali warga ke universiti semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Langkah-langkah pencegahan denggi ini adalah perlu dilaksanakan di universiti ini bagi menangani masalah kesihatan dan kematian akibat bawaan wabak denggi. Ketiadaan warga universiti di dalam kampus untuk tempoh hampir 2 bulan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) boleh memberi peluang kepada pembiakan nyamuk Aedes di kawasan universiti sekiranya terdapat air yang bertakung di kawasan persekitaran kampus.

PENGENALAN

2. Demam denggi hanya berjangkit melalui gigitan nyamuk Aedes. Justeru, langkah pencegahan yang berkesan adalah dengan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes. Harus diingati bahawa aktiviti pengasapan atau *fogging* yang dilakukan hanya berkesan membunuh nyamuk Aedes dewasa. Jentik-jentik atau larva nyamuk tidak akan mati disebabkan oleh pengasapan.

Sehubungan itu, adalah penting untuk setiap individu bertanggungjawab memastikan tiada bekas-bekas yang menakung air dibiarkan begitu sahaja kerana ia berpotensi untuk menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes dan seterusnya menyebabkan wabak penyakit.

PELAKSANAAN

3. Langkah-langkah proaktif perlu diambil oleh semua pihak yang berkenaan di dalam kawasan kolej kediaman, fakulti, bangunan pentadbiran dan premis makanan serta kawasan-kawasan yang berisiko menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes bagi menghindari sebarang kebarangkalian pembiakan jentik-jentik.
Antara inisiatif-inisiatif pencegahan wabak denggi yang perlu diambil adalah seperti berikut:

3.1 Tanggungjawab Ketua PTJ

- i. Ketua PTJ perlu merancang, melaksanakan dan memantau semua aktiviti pembersihan bahagian/ jabatan/ unit masing-masing terutamanya di kawasan yang berisiko menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.
- ii. Ketua PTJ perlu memantau dengan kerap dan memastikan kawasan dalam dan luar ruang kerja/ pejabat sentiasa berada dalam keadaan bersih dan bebas dari pembiakan nyamuk Aedes
- iii. Ketua PTJ perlu membuat jadual penggiliran staf untuk melakukan aktiviti cari dan musnah tempat berpotensi pembiakan nyamuk di kawasan persekitaran

3.2 Tanggungjawab semua warga universiti

- i. Staf dan pelajar perlu memastikan kawasan dalam dan luar ruang kerja/ pejabat sentiasa berada dalam keadaan bersih dan bebas dari pembiakan nyamuk Aedes.
- ii. Staf dan pelajar perlu melaksanakan aktiviti cari dan musnah tempat berpotensi pembiakan nyamuk di kawasan persekitaran mengikut jadual penggiliran yang ditetapkan oleh Ketua PTJ.
- iii. Letakkan abate (racun jentik-jentik) di dalam pam tandas dan takungan air di kawasan dalam dan luar bangunan.
- iv. Memastikan sebarang bekas yang boleh menakung air diterbalikkan jika tidak digunakan.
- v. Membersihkan dan mengeringkan bekas tapisan air di bawah peti sejuk, piring atau pasu bunga yang mengandungi air.
- vi. Segera dapatkan pemeriksaan di klinik/ hospital berhampiran jika mengalami gejala demam denggi seperti demam panas, sakit kepala, sakit otot dan sendi, ruam, sakit biji mata atau loya dan muntah.

4. Aktiviti-aktiviti pencegahan denggi ini perlu dilakukan setiap kali selepas ketiadaan warga di universiti untuk tempoh yang lama serta wajar diteruskan sekurang-kurangnya sekali seminggu. Ianya mudah untuk dilaksanakan dan hanya memerlukan masa lebih kurang 10 minit sahaja.

Diharap agar semua warga Universiti Teknologi MARA dapat bersama-sama mengambil tindakan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk di dalam dan luar kawasan persekitaran seperti disarankan.

5. Untuk maklumat lanjut mengenai perkara di atas, sila hubungi Dr. Nurfazlinda Md Shah di talian 03-55443823, PPKP Mohd Saifullah Mohamad di talian 03-55443835 atau PPKP El Leza Fatehah Mohd Azam di talian 03-55443830.

TARIKH DIKELUARKAN

6. Pekeliling ini dikeluarkan pada 18 Mei 2020.


TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini berkuatkuasa pada 18 Mei 2020.

PEMAKAIAN

8. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua warga Universiti Teknologi MARA (staf dan pelajar).

Sekian, terima kasih.



DR. ZAITON NASIR

Pengarah

Bil. Fail : 500-HEP (PK:12/1/1)
Tarikh : 18 Mei 2020